

Bioekonomi 'alat perubahan' ekonomi negara

KUALA LUMPUR 11 Sept. - Sektor bioekonomi yang sudah bertapak sejak sekian lama di negara ini perlu diperkembangkan lagi perannya kerana berpotensi besar menjadi 'game changer' atau alat perubahan kepada ekonomi negara.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata, perkara itu mampu dilaksanakan dengan meneroka biodiversiti atau kepelbagaian yang terdapat di dalam bidang tersebut di negara ini bagi menjadikannya lebih kompetitif.

"Perubahan di dalam teknologi ketika ini banyak dipengaruhi oleh faktor bioekonomi. Jadi, kita perlu menerokainya kerana

bidang tersebut bukan sahaja mampu menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan malah dapat mempertingkatkan tahap kesihatan masyarakat, keselamatan produk makanan dan suasana kehidupan.

"Malaysia berkebolehan dalam menerokai sektor bertarbelakangan bio bagi menjadikannya lebih berimpak besar, memiliki pertumbuhan mapan dan berteknologi tinggi untuk bersaing ke peringkat lebih tinggi," katanya ketika berucap merasmikan Pameran BioMalaysia dan Asia Pacific Bioeconomy 2017 (BioMalaysia 2017), di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Ketua Setiausaha Kement-

terian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Mohd. Azhar Yahaya.

Yang turut hadir Pengerusi Bioeconomy Corporation, Tan Sri Dr. Zakri Abdul Hamid dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Bioeconomy Corporation, Dr. Mohd. Shuhaizam Mohd. Zain

Dalam majlis tersebut, turut diadakan tiga perjanjian memorandum persefahaman (MoU) di antara Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Malaysian Vaccines & Pharmaceuticals Sdn. Bhd.; Algaetech International dan Watson Malaysia serta OUDHCOM LLC dan Rural Asset Group Of Companies.

Mengulas mengenai MoU itu, Wilfred Madius berkata, MoU tersebut adalah lambang kepa-

da kepemimpinan Malaysia di dalam bidang sains, teknologi serta inovasi dan menjadi platform strategik syarikat dari Malaysia untuk membawa inovasi bio mereka merentasi dunia.

"Semasa di BioMalaysia, kami menjangka untuk melihat perdagangan lebih berpotensi dan kerjasama dalam pelbagai bidang bioekonomi yang memberi manfaat kepada masyarakat.

"Kehadiran kementerian saya di BioMalaysia 2017 akan memberi tumpuan kepada memamerkan amalan baik dan inovasi Malaysia dalam teknologi berasaskan bio bagi menarik pelaburan daripada institusi atau syarikat di rantau Asia Pasifik," katanya.